



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67

23hb Oktober 2014

No. 22

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

No. 2622.

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATES
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [Act 92], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan Majistret Kelas Dua di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948 [Act 92], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the office of Second Class Magistrate in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from the dates set out opposite their respective name specified in column (2).

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2900

[23hb Okt. 2014]

JADUAL/SCHEDULE

(1)

(2)

Tuan Haji Mad Dan bin Hassan	1.7.2013
Puan Norharyammie binti Hamzah	15.5.2014

Bertarikh 19 September 2014

Dated 19 September 2014

[PSUK.Pk.(PSM) 1.A.355/487/36/1 Jld. 3;
PU.Pk. 47/99 (B) Jld. 3]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 2623.

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS

DUA DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATE

IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [Act 92], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Encik Khalek bin Saad untuk memegang jawatan Majistret Kelas Dua di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai dari 7 November 2013.

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948 [Act 92], the State Authority has appointed Encik Khalek bin Saad to hold the office of Second Class Magistrate in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from 7 November 2013.

Bertarikh 19 September 2014

Dated 19 September 2014

[PSUK.Pk.(PSM) 1.A.355/487/36/1 Jld. 3;
PU.Pk. 47/99 (B) Jld. 3]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

23hb Okt. 2014]

2901

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

No. 2624.

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN (EKSAIS)

Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Pelesenan (Eksais) bagi Daerah Larut, Matang & Selama akan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pelesenan (Eksais) di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Larut dan Matang, Taiping pada hari Rabu bersamaan 10 Disember 2014 jam 9.30 pagi untuk menimbang permohonan baru, pembaharuan dan menukar nama pelesen bagi Tahun Pertama 2015.

2. Setiap permohonan hendaklah dibuat atas borang Jadual Akta Eksais 1976 sebanyak enam (6) salinan dan dihantar kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Matang & Selama, Taiping tidak lewat dari 21 Oktober 2014 dan setiap salinan tambahan hendaklah dipamirkan di premis yang dicadangkan selewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh mesyuarat.
3. Setiap pemohon hendaklah mengiklankan permohonan-permohonannya di dalam sebuah akhbar harian Bahasa Malaysia dengan perbelanjaan sendiri.
4. Segala bantahan terhadap permohonan lesen hendaklah disampaikan kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan (Eksais) dan kepada Ketua Polis Negeri, Perak Darul Ridzuan, Ipoh selewat-lewatnya sepuluh (10) hari sebelum tarikh mesyuarat.

Bertarikh 15 Oktober 2014
[PDLM. 454/7/86/02 JLD. 11]

KAMARUDDIN BIN AWANG
Pengerusi
Lembaga Pelesenan (Eksais)
Daerah Larut Matang & Selama

AKTA HARI KELEPASAN 1951

HOLIDAYS ACT 1951

No. 2625.

PENETAPAN HARI CUTI UMUM BAGI
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF PUBLIC HOLIDAY FOR
THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9(1) Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369], Pihak Berkuasa Negeri menetapkan 27 November 2014 (Khamis) sebagai Hari Kelepasan Am bagi Negeri Perak Darul Ridzuan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2902

[23hb Okt. 2014]

bersempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Bertarikh 2 Oktober 2014

[PSUK.Pk.(BKP)(S) 1A355/725/34 Jld. 2;
PU.Pk. 46/99 (S)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 9(1) of the Holidays Act 1951 [Act 369], the State Authority appoints 27 November 2014 (Thursday) as a public holiday for the State of Perak Darul Ridzuan in conjunction with Birthday of His Royal Highness the Sultan of Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Dated 2 October 2014

[PSUK.Pk.(BKP)(S) 1A355/725/34 Jld. 2;
PU.Pk. 46/99 (S)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 2626.

HARI KELEPASAN AM DI NEGERI PERAK BAGI TAHUN 2015

PUBLIC HOLIDAYS IN THE STATE OF PERAK FOR THE YEAR 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9(1) Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369], Pihak Berkuasa Negeri menetapkan hari-hari yang dinyatakan dalam Jadual menjadi Hari-hari Kelepasan Am Negeri bagi tahun 2015.

2. Jika mana-mana Hari Kelepasan Am Negeri jatuh pada hari kelepasan mingguan maka hari yang berikutnya hendaklah menjadi hari kelepasan am, dan jika hari sedemikian adalah sememangnya hari kelepasan am maka hari yang berikutnya hendaklah menjadi hari kelepasan am.
3. Jika Hari Kelepasan Am itu jatuh pada hari Sabtu, maka hari Sabtu itu juga adalah merupakan Hari Kelepasan Am dan tidak akan diganti pada hari-hari yang lain.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

23hb Okt. 2014]

2903

JADUAL

(i) Hari Tahun Baru	1 Januari 2015 (Khamis)
(ii) Hari Thaipusam	3 Februari 2015 (Selasa)
(ii) Hari Nuzul Al-Quran	4 Julai 2015 (Sabtu)
(iv) Hari Keputeraan	27 November 2015 (Jumaat)
Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak	

Bertarikh 3 Oktober 2014
[PSUK.Pk.(BKP)(S) 1A355/725/34;
PU.Pk. 46/99]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 9(1) of the Holidays Act 1951 [Act 369], the State Authority appoints the days specified in the Schedule to be the State Public Holidays for the year 2015.

2. If any State Public Holiday falls on a weekly holiday then the day following shall be a public holiday, and if such day is already a public holiday then the day following shall be a public holiday.
3. If any State Public Holiday falls on Saturday, then that day is considered as a State Public Holiday and will not be replaced by any other day.

SCHEDULE

(i) New Year Day	1 January 2015 (Thursday)
(ii) Thaipusam	3 February 2015 (Tuesday)
(ii) Nuzul Al-Quran	4 July 2015 (Saturday)
(iv) Birthday of His Royal Highness the Sultan Perak	27 November 2015 (Friday)

Dated 3 October 2014
[PSUK.Pk.(BKP)(S) 1A355/725/34;
PU.Pk. 46/99]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 2627.

MENGUBAH SEMPADAN DI ANTARA MUKIM JAYA BARU,
MUKIM PASIR SALAK DAN MUKIM KOTA SETIA

[Perenggan 11 (ca)]

VARYING THE BOUNDARY OF MUKIM OF JAYA BARU, PASIR SALAK
AND KOTA SETIA
[Paragraph 11 (ca)]

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 11(ca) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengubah sempadan Mukim Jaya Baru, Mukim Pasir Salak dan Mukim Kota Setia, Daerah Perak Tengah seperti yang diperihalnya dalam Jadual.

JADUAL

- 1 Sebahagiann daripada sempadan di antara Mukim Jaya Baru dan Mukim Pasir Salak iaitu dari A-B-C yang digariskan dalam warna oren dipinda ke sempadan baru iaitu A-G-F-E-D-C yang digariskan dalam warna merah pada P.W. 1939 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Perak.
- 2 Sebahagian daripada sempadan di antara Mukim Jaya Baru dan Mukim Kota Setia iaitu dari A-B yang digariskan dalam warna oren dipinda ke sempadan baru iaitu A-P-N-M-L-K-J-H-G-F-E-D-C-B yang digariskan dalam warna merah pada P.W. 1940 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Perak.

Bertarikh 15 September 2014

[PTG.Pk.4/A-F/035 Jld. 5 (C) PTKG 13/06; JUPK 635 Jld. 2;
PU.Pk. 29/05 Jld. 2]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by paragraph by 11(ca) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority hereby varies the boundary of the land situated in Mukim of Jaya Baru, Pasir Salak and Kota Setia, District of Perak Tengah as described in the Schedule.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

23hb Okt. 2014]

2905

JADUAL/SCHEDELE

- 1 Part of the border between Mukim of Jaya Baru and Pasir Salak from A-B-C outlined in orange is amended to the new boundaries A-G-F-E-D-C outlined in red on P.W. 1939 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping Perak.
- 2 Part of the border between Mukim of Jaya Baru and Kota Setia from A-B outlined in orange is amended to the new boundaries A-P-N-M-L-K-J-H-G-F-E-D-C-B outlined in red on P.W. 1940 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping Perak.

Dated 15 September 2014

[PTG.Pk.4/A-F/035 Jld. 5 (C) PTKG 13/06; JUPK 635 Jld. 2;
PU.Pk. 29/05 Jld. 2]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2628.

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATOR IN AND FOR STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka dalam ruang (3) bagi maksud Kanun itu.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the offices specified in column (2) with effect from the dates set out opposite their names specified in column (3) for the purposes of the Code.

JADUAL/SCHEDELE

(1)	(2)	(3)
Encik Khalek bin Saad	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	7.11.2013

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2906

[23hb Okt. 2014]

(1)	(2)	(3)
Encik Huzaifah bin Amnan	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	16.11.2012
Puan Siti Suraya binti Abdul Halil	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	27.8.2013

Bertarikh 19 September 2014

Dated 19 September 2014

[PSUK.Pk.(PSM) 1.A.355/487/36/1 Jld. 3;

PU.Pk. 51/99 Jld. 5]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2629.

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH
DAN TIMBALAN PENDAFTAR HAKMILIK DI DAN
BAGI DAERAH-DAERAH / NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATOR
AND DEPUTY REGISTRAR OF TITLE IN AND
FOR DISRICTS / STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Act 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka dalam ruang (3) bagi maksud Kanun itu.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the offices specified in column (2) with effect from the dates set out opposite their names specified in column (3) for the purposes of the Code.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Tuan Haji Mad Dan bin Hassan	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak	1.7.2013

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

23hb Okt. 2014]

2907

(1)	(2)	(3)
Puan Norharyammie binti Hamzah	Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	15.5.2014
Encik Megat Saiful Nizam bin Megat Wahab	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Perak Tengah, Kampong Gajah / Assistant Land Administrator in and for District of Perak Tengah, Kampong Gajah	1.7.2009
Encik Ahmad Asrul bin Shaari	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Asmadi bin Mohd Ishak	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Khairul Rizal bin Abdul Razak	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2908

[23hb Okt. 2014]

(1)	(2)	(3)
Encik Khuzairi bin Ramly	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Mohd Rizal bin Ibrahim	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Muhammmad Mustafid bin Isma Yatim	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Mohd Roslan bin Leman	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Shahruna bin Ahmad	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Khail Nizam bin Abdullah	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

23hb Okt. 2014]

2909

(1)	(2)	(3)
Encik Mohd Shuhardi bin Abd Manas	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Azlan bin Sharif	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Muhamad Azlan bin Ahmad Thahimi	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Mior Zulazrin bin Mior Aris	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Mohd Sharul Rizal bin Ahamad Nor Rani	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	1.7.2009
Encik Mohamad Azuwan bin Mohamad Azalan	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	17.5.2010

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2910

[23hb Okt. 2014]

(1)	(2)	(3)
Encik Fadli Rabah bin Mustapha Kamal	Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan / Deputy Registrar of Titles and Assistant Land Administrator in and for Perak Darul Ridzuan	17.5.2010
Puan Siti Rokiah binti Khaldi	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Pengkalan Hulu / Assistant Land Administrator in and for District of Pengkalan Hulu	1.6.2014
Encik Azli bin Mohd Khalid	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Pengkalan Hulu / Assistant Land Administrator in and for District of Pengkalan Hulu	1.6.2014

Bertarikh 19 September 2014

Dated 19 September 2014

[PSUK.Pk.(PSM) 1.A.355/487/50/3 Jld. 2;

PU.Pk. 51/99 Jld. 5]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2630.

PELANTIKAN PEGAWAI PETEMPATAN DI DAN
BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF SETTLEMENT OFFICER IN AND
FOR STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan sebagai Pegawai Petempatan di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the offices of Settlement Officer in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from the dates set out opposite their respective names specified in column (2).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Encik Khalek bin Saad	7.11.2013
Encik Mustapa Kamal bin Abdul Momin	17.1.2011
Encik Huzaifah bin Amnan	16.11.2012
Puan Siti Suraya binti Abdul Halil	27.8.2013

Bertarikh 19 September 2014

Dated 19 September 2014

[PSUK.Pk.(PSM) 1.A.355/487/49/1;

PU.Pk. 9/05]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha/Secretary

Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 2631.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk kawasan Lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—PA 103229. No. Lot—373903.
Luas—2722 meter persegi.

Bertarikh 3 September 2014

[PTG.Pk. 407/5-8354 (B); PTK(I). 1/5-84;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Perak Darul Ridzuan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2912

[23hb Okt. 2014]

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an Open Space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Ipoh City Council.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—PA 103229. Lot No.—373903
Area—2722 square metres.

Dated 3 September 2014
[PTG.Pk. 407/5-8354 (B); PTK(I). 1/5-84;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2632.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Kampong Baru Batu Dua, Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk kawasan Lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Gerik.

JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Gerik. No. Pelan—PW 3076. No. Lot—31262.
Luas—631 meter persegi.

Bertarikh 10 September 2014
[PTG.Pk. 238/4-79 (C); PT.GK. 352/106/02/2006;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Kampong Baru Batu Dua, Mukim of Gerik, District of Hulu Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an Open Space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Gerik District Council.

SCHEDULE

District—Hulu Perak. Mukim—Gerik. Plan No.—PW 3076. Lot No.—31262
Area—631 square metres.

Dated 10 September 2014
[PTG.Pk. 238/4-79 (C); PT.GK. 352/106/02/2006;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2633.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Taman Temenggor, Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sekolah Agama Rakyat Al-Ittifaq dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Gerik. No. Pelan—PW 3512. No. Lot—10621.
Luas—1,789 meter persegi.

Bertarikh 10 September 2014
[PTG.Pk. 238/4-93 (C); PT.GK. 352/103/02/2010;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2914

[23hb Okt. 2014]

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Taman Temenggor, Mukim of Gerik, District of Hulu Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Al-Ittifaq Public Religious School and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Perak Council of Religion and Malay Custom.

SCHEDULE

District—Hulu Perak. Mukim—Gerik. Plan No.—PW 3512. Lot No.—10621. Area—1,789 square metres.

Dated 10 September 2014

[PTG.Pk. 238/4-93 (C); PT.GK. 352/103/02/2010;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2634.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Air Suda, Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Tanah Lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Batu Gajah.

JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Gerik. No. Pelan—PW3342. No. Lot—8341. Luas—218 meter persegi.

Bertarikh 10 September 2014

[PTG.Pk. 238/4-89 (C); PT.GK. 352/108/02/2009;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Air Suda, Mukim of Gerik, District of Hulu Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Open Space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Gerik District Council.

SCHEDULE

District—Hulu Perak. Mukim—Gerik. Plan No.—PW3342. Lot No.—8341. Area—218 square metres.

Dated 10 September 2014
[PTG.Pk. 238/4-89 (C); PT.GK. 352/108/02/2009;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2635.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Jalan Betong, Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Tanah Lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Pengkalan Hulu. No. Pelan—PA 105105. No. Lot—7422. Luas—608 meter persegi.

Bertarikh 10 September 2014
[PTG.Pk. 238/7-77 (C); PTPH.06/RZ/2/2010;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2916

[23hb Okt. 2014]

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Jalan Bentong, Mukim of Pengkalan Hulu, District of Hulu Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Open Space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Pengkalan Hulu District Council.

SCHEDULE

District—Hulu Perak. Mukim—Pengkalan Hulu. Plan No.—PA 105105. Lot No.—7422. Area—608 square metres.

Dated 10 September 2014
[PTG.Pk. 238/7-77 (C); PTPH.06/RZ/2/2010;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2636.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di RPT Muhibbah Tronoh, Mukim Belanja, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Tanah Lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Batu Gajah.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Belanja. No. Pelan—PA 107091. No. Lot—310070.
Luas—1099 meter persegi.

Bertarikh 10 September 2014
[PTG.Pk. 239/1-18 (C); KT 33/2-3863;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in RPT Muhibbah Tronoh, Mukim of Belanja, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Open Space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Batu Gajah District Council.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Belanja. Plan No.—PA 107091. Lot No.—310070. Area—1099 square metres.

Dated 10 September 2014
[PTG.Pk. 239/1-18 (C); KT 33/2-3863;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2637.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Air Suda, Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Tapak Tambahan Sekolah Menengah Agama Tan Sri Ghazali Jawi dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Gerik. No. Pelan—PW 3408. Luas—4,584.30 meter persegi.

Bertarikh 12 September 2014
[PTG.Pk. 238/4-87 (C); PT.GK. 352/113/02/2008;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2918

[23hb Okt. 2014]

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Air Suda, Mukim of Gerik, District of Hulu Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Tan Sri Ghazali Jawi Religious Secondary School Additional Site and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Council of Religion and Perak Malay Custom.

SCHEDULE

District—Hulu Perak. Mukim—Gerik. Plan No.—PW 3408. Area—4,584.30 square metres.

Dated 12 September 2014
[PTG.Pk. 238/4-87 (C); PT.GK. 352/113/02/2008;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2638.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Kampung Baru Slim River, Mukim Slim, Daerah Batang Padang yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Kuil Sri Meenatchi Amman dan Dewan Serbaguna dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Tanjung Malim.

JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Slim. No. Pelan—PW 3595. No. Lot—27375. Luas—1418 meter persegi.

Bertarikh 15 September 2014
[PTG.Pk. 235/4-29 (C); PTSR (T) 67/1-93; PUPKW 173_2013;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Kampung Baru Slim River, Mukim of Slim, District of Batang Padang described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Temple of Sri Meenatchi Amman and Multipurpose Hall and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Tanjong Malim District Council.

SCHEDULE

District—Batang Padang. Mukim—Slim. Plan No.—PW 3595. Lot No.—27375. Area—1418 square metres.

Dated 15 September 2014

[PTG.Pk. 235/4-29 (C); PTSR (T) 67/1-93; PUPKW 173_2013;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2639.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Batu 7, Jalan Tanjung Tualang, Mukim Tanjung Tualang, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Perkuburan Orang Islam dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam ‘Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Tanjung Tualang. No. Pelan—PW 3178. Luas—8.090 hektar.

Bertarikh 15 September 2014

[PTG.Pk. 239/5-23 (C); KT. 33/4-5732 D;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2920

[23hb Okt. 2014]

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Batu 7, Jalan Tanjung Tualang, Mukim of Tanjung Tualang, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Muslim Burial Ground and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Council of Religion and Perak Malay Custom.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Tanjung Tualang. Plan No.—PW 3178. Area—8.090 hectares.

Dated 15 September 2014
[PTG.Pk. 239/5-23 (C); KT. 33/4-5732 D;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2640.

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 1014 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 8 Mei 2014, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tanah yang dinyatakan dalam Jadual sebagai tapak untuk kawasan ternakan;

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membatalkan perizaban tanah tersebut yang diperihalkan dalam Jadual.

JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Sitiawan. No. Pelan—P.W. 3304. Luas—17 hektar.

Bertarikh 12 September 2014
[PTG.Pk. 278/2-81 (E); PT.MJG.DT. 59/3/1/91;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

Whereas by Notification No. 1014 published in the Perak Government *Gazette* on 8 May 2014, notice was given of the intention to revoke the reservation of the land described in the Schedule as a site for the livestock area;

And whereas, no objection on the proposal to revoke the said reservation had been received;

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby revokes the reservation of the land as described in the Schedule.

SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Sitiawan. Plan No.—3304. Area—17 hectares.

Dated 12 September 2014
[PTG.Pk. 278/2-81 (E); PT.MJG.DT. 59/3/1/91;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2641.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahwasanya, melalui Pemberitahuan No. 2256 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 20 April 1923, Residen Perak, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 9 Enakmen Tanah 1911, telah mengisyiharkan bahagian tanah yang terletak di Wilayah Selarong, Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan No. A 52-4 yang tersimpan di Pejabat Penguasa Hasil Ukur, Taiping sebagai tanah rizab bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Perkuburan Islam dan akan diselenggarakan oleh Penghulu Kroh, Abdullah bin Sulong Khatib Che' Indut bin Pek dan Lebai Salleh bin Panglima Garang atau mana-mana orang atau orang lain yang dilantik dari semasa ke semasa oleh Pegawai Daerah Hulu Perak bagi pihak Komuniti Orang Islam;

Dan bahwasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Acta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2922

[23hb Okt. 2014]

Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Pengkalan Hulu pada 2 Disember 2014 jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Pengkalan Hulu. No. Pelan—A 52-4. No. Lot—1499. Luas—2.084 hektar.

Bertarikh 10 September 2014
[PTG.Pk. 238/7-85 (C); PTPH.(T) 67/2/18;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

Whereas, by Notification No. 2256 published in the Federated Malay States Government *Gazette* on 20 April 1923, the Resident of Perak, in exercise of the powers vested in him by section 9 of the Land Enactment 1911, proclaim that parcel of land situated in Wilayah Selarong, Mukim of Pengkalan Hulu, District of Hulu Perak described in the Schedule, and delineated upon revenue survey Plan No. A 52-4, deposited in the Office of the Superintendent of Revenue Survey, Taiping to be a reserve for the purpose of a place for the interment of the dead-to wit, a burial ground for Muhammadans, to be maintained by the Penghulu of Kroh, Abdullah bin Sulong Khatib Che' Indut bin Pek dan Lebai Salleh bin Panglima Garang, or such other person or person as may be appointed from time to time by the Hulu Perak District Officer on behalf of the Muhammadan Community;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority hereby gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation as described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Hulu Perak, Pengkalan Hulu on 2 December 2014 at 8.00 a.m to 12.00 noon.

SCHEDULE

District—Hulu Perak. Mukim—Pengkalan Hulu. Plan No.—A 52-4. Lot No.—1499. Area—2.084 hectares.

Dated 10 September 2014
[PTG.Pk. 238/7-85 (C); PTPH.(T) 67/2/18;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 2642.

PEMBETULAN/CORRIGENDUM

Berhubung dengan Pemberitahuan No. 1015 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 8 Mei 2014, gantikan perkataan “Luas—3 ekar” dengan perkataan “Luas—0.1101 hektar”.

With reference to Notification No. 1015 published in the State of Perak Government *Gazette* on 8 May 2014, substitute the words “Area—3 acres” with the words “Area—0.1101 hectares”.

Bertarikh 15 September 2014

Dated 15 September 2014

[PTG.Pk. 821-1 Jld. 4(C); PTK(I) No. 10/3-15;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 2643.

PEMBETULAN/CORRIGENDUM

Berhubung dengan Pemberitahuan No. 1021 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 8 Mei 2014, gantikan perkataan “keseluruhan” dan “Luas — 1.756 hektar” masing-masing dengan perkataan “sebahagian” dan “Luas — 0.874 hektar”.

With reference to Notification No. 1021 published in the State of Perak Government *Gazette* on 8 May 2014, substitute the words “wholly” and “Area — 1.756 hectares” respectively with the words “partially” and “Area —0.874 hectare”.

Bertarikh 15 September 2014

Dated 15 September 2014

[PTG.Pk. 821-1 Jld. 4(C); PT.GK 257/121 Jld. 2;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 61]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2924

[23hb Okt. 2014]

No. 2644.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWA

Kepada Lee Chee Sow yang beralamat di — tuanpunya tanah/tanah-tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai dari 1hb Jun adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah Perak, segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal dan No.	Sewa tahun	Tunggakan dari tahun-tahun	Fee-fee, dll., yang dikenakan	Tunggakan Fee/ Fee-fee	Jumlah kena dibayar
Hakmilik Bandar Papan	Lot/P.T. Lot	ini 2014	yang lepas 1984 - 2013	sebagai sewa Denda Lewat 1984 - 2013	Notis 6A
GRN 49207	124	RM313.00	RM4,384.00	RM219.20	RM20.00
					RM4,936.20

Bertarikh 14 Mei 2014
[PTBG. 110/5-26]

*Pentadbir Tanah Kinta
Batu Gajah*

No. 2645.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWA

Kepada Wong Siong On yang beralamat di — tuanpunya tanah/tanah-tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai dari 1hb Jun adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah Perak, segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan dilucutkhan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fee-fee, dll., yang dikenakan sebagai sewa	Tunggakan Fee/ Fee-fee	Jumlah kena dibayar
Bandar Papan	Lot	2014	1984 - 2013	Denda Lewat 1984 - 2013	Notis 6A	
GRN						
49207	124	RM313.00	RM4,384.00	RM219.20	RM20.00	RM4,936.20

Bertarikh 14 Mei 2014
[PTBG. 110/5-26]

*Pentadbir Tanah Kinta
Batu Gajah*

No. 2646.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWA

Kepada Cheah Pak Yew yang beralamat di — tuanpunya tanah/tanah-tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai dari 1hb Jun adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah Perak, segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan dilucutkhan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2926

[23hb Okt. 2014]

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fee-fee, dll., yang dikenakan sebagai sewa	Tunggakan Fee/ Fee-fee	Jumlah kena dibayar
Bandar Papan	Lot	2014	1984 - 2013	Denda Lewat 1984 - 2013	Notis 6A	
GRN						
49207	124	RM313.00	RM4,384.00	RM219.20	RM20.00	RM4,936.20

Bertarikh 14 Mei 2014
[PTBG. 110/5-26]

Pentadbir Tanah Kinta
Batu Gajah

No. 2647.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWA

Kepada Yeap See yang beralamat di — tuanpunya tanah/tanah-tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai dari 1hb Jun adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah Perak, segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyitiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan dilucutkak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fee-fee, dll., yang dikenakan sebagai sewa	Tunggakan Fee/ Fee-fee	Jumlah kena dibayar
Bandar Papan	Lot	2014	1984 - 2013	Denda Lewat 1984 - 2013	Notis 6A	
GRN						
49207	124	RM313.00	RM4,384.00	RM219.20	RM20.00	RM4,936.20

Bertarikh 14 Mei 2014
[PTBG. 110/5-26]

Pentadbir Tanah Kinta
Batu Gajah

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

23hb Okt. 2014]

2927

No. 2648.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN TUNGGAKAN SEWA

Kepada Looi Teik Lan yang beralamat di — tuanpunya tanah/tanah-tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai dari 1hb Jun adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah Perak, segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan dilucutkahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fee-fee, dll., yang dikenakan sebagai sewa	Tunggakan Fee/ Fee-fee	Jumlah kena dibayar
Bandar Seputeh	Lot	2014	1990 - 2013	Denda Lewat 1990 - 2013	Notis 6A	
		GRN				
59547	17	RM236.00	RM4,768.00	RM250.20	RM20.00	RM5,274.20

Bertarikh 24 Julai 2014
[PTBG. 110/5-21]

Pentadbir Tanah Kinta
Batu Gajah

No. 2649.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Hamat bin Salleh dan Teh Jaharah bt. Haji Mohamad yang beralamat di No: — tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

